

Qalam

KDN 3036

Rajab 1388	Oktober	1968
Bilangan 216	60	sen

Kecerobohan Filipina

Dengan *President* Marcos dari Filipina menandatangani satu undang-undang memasukkan Sabah sebagai wilayah Filipina, maka dengan sendirinya menjadilah perbuatan itu sebagai suatu kecerobohan Filipina kepada Malaysia atas kawasanya – merampas hak sesebuah negeri dengan membuat sebuah undang-undang memasukkan negeri orang lain ke dalam wilayahnya.

Sabah yang dahulunya bernama *British North Borneo* telah menyatukan dirinya ke dalam Malaysia bukan dengan paksaan tetapi adalah dengan kehendak rakyat negeri itu sendiri dengan satu undian yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Ia bukannya satu wilayah yang dirampas atau yang didesak untuk dimasukkan ke dalam Malaysia, tetapi adalah dengan kehendak rakyat negara itu sendiri.

Berdasarkan ini maka perbuatan *President* Marcos sudah tentu dipandang sebagai satu kecerobohan ke tanah air orang dan kerana itulah rakyat Malaysia kompak berdiri seluruhnya untuk mempertahankan Malaysia dari diceroboh oleh perbuatan-perbuatan Filipina yang bersifat merosak keamanan

dan kesejahteraan di rantau sebelah sini.

Kalau Filipina mahu mengambil Sabah berdasarkan tawarikh maka sudah tentu dunia akan jadi gamat sebab kelak berasarkan¹ kepada tawarikh orang-orang akan menuntut sesebuah tempat yang sudah diduduki oleh orang lain. Anak cucu Majapahit akan menuntut. Anak cucu Sultan Mahmud akan menuntut dan seterusnya, akhirnya dunia tidak aman jika dibiarkan perbuatan cara Marcos itu.

Satu perkara yang kita syukuri kesedaran rakyat Malaysia menghadapi musuh dari luar ini. Semua rakyat kompak dan tegas berdiri di belakang pemerintah untuk bersama-sama berdiri dengan pemerintah mempertahankan kedaulatan negara. Inilah satu kemuliaan sesuatu bangsa.

* * *

Tengku... Berjalah!

Kerajaan Malaysia dan umat Malaysia hari ini, menghadapi dua percubaan yang besar – percubaan yang selalu dan kerap dihadapi oleh sesebuah negara yaitu musuh dari dalam dan musuh dari luar. Inilah dua musuh yang paling merbahaya.

Musuh dari luar sudah tentu, dengan kompak kita dapat menghadapinya, tetapi musuh dari dalam inilah yang sukar, sebab ia boleh menggunakan selimut serupa dengan apa yang kita pakai dan gunakan, tetapi berisi berlainan daripada isi yang ada dan kita kehendaki. Ini sememangnya ada di dalam dunia dan inilah yang diisytiharkan di dalam agama kaum *Munafiqin* (bermuka-muka), tetapi menjadi alat untuk meruntuhkan sesuatu yang mereka

tidak diperkenani. Untuk menghapuskannya, adalah sangat sulit.

Tengku Perdana Menteri telah mengisytiharkan ini di dalam pembukaan Persidangan UMNO dalam mana musuh dari dalam yang berbahaya, ialah orang-orang Komunis. Orang-orang Komunis masa ini terbanyak bilangannya di dalam golongan orang-orang Cina sahaja dan mereka hidup bergaul dengan bangsa mereka. Mereka bekerja untuk meruntuhkan kerajaan dan cuba membawa orang-orang Islam kepada fahaman yang mereka anuti, tetapi orang-orang Islam itu tidak akan dapat ditarik menjadi Komunis kerana ia bertentangan dengan fahaman agama dan jiwa orang-orang Islam itu.

Benar apa yang dikatakan oleh Tengku Perdana Menteri itu. Pada masa ini kita tidak mendapati orang-orang Islam akan menjadi Komunis, tetapi melihat kepada perkembangan dan fahaman yang berjalan hingga hari ini, di kalangan pemuda-pemuda kita, adalah dikhuatirkan di dalam masa peringkat Tengku sudah tidak berada lagi, jika Tengku tidak berusaha dan menjaga sesuatu untuk menjauhkannya, mungkin orang-orang kita akan memegang fahaman-fahaman Komunis, kerana kurang pengertiannya di dalam agama dan kerana kesempitan hidupnya, kerana Rasulullah sendiri pernah mengatakan: “Kesempitan hidup seseorang itu boleh membawanya kepada kekufuran.”

Rakyat semuanya cukup mnegetahui dan melihat dengan nyatanya, bahawa Tengku Perdana Menteri semenjak dari kecil lagi, beliau adalah terasuh dengan ajaran agama Islam. Kecenderungan beliau kepada agama dapat dilihat dengan

¹ Perkataan sebenarnya adalah berdasarkan.

Rencana Pengarang

nyata, sehingga kepada usia beliau yang lebih lanjut semakin nyata, kerana betapakah seorang pemimpin seperti beliau boleh tahan duduk berjam-jam mendengar orang dengan asyik membaca kitab suci al-Qur'an sama ada di dalam peraduan atau pun di sana-sini di dalam negeri beliau, terutamanya di dalam bulan Ramaḍān, beliau dengan rela bertengah-tengah malam ke sana-sini dengan perasaan gembira dan sukacita. Ini tidak akan timbul kalau tidak ada benih keislaman ada tertanam di dada beliau.

Dengan anjuran beliau, di sana-sini masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah didirikan, dengan apa corak sekali pun, yang menunjukkan beliau kasih kepada agama. Dan di dalam masa Persidangan yang akhir Umno, beliau mengingatkan supaya pemuda-pemudi tidak akan tersesat hidupnya jika mereka berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agama Islam.

Tengku Perdana Menteri telah melihat sendiri, sebahagian daripada pemeluk-pemeluk Islam, dari semasa ke semasa, telah mulai mencuaikan ajaran-ajaran Islam. Pengaruh Barat dan adat istiadatnya telah menyeludup memasuki masyarakat umat Islam. Bahayanya ini telah disedari dan dilihat oleh beliau dan itulah beliau memperingatkan umat Islam supaya tetap dan patuh berpegang kepada ajaran-ajaran Islam.

Kita berkeyakinan, sekiranya ajaran dan ingatan Tengku ini tidak dipegang dan diamalkan, di dalam masa tidak lama lagi pelemuk² Islam akan dapat

dipengaruhi oleh orang-orang Komunis dan akan jadi pengikut Komunis yang bakal meruntuhkan pemerintahan kita yang berkiblat kepada Kaabah itu – memesongkan perhatian mereka kepada fahaman Mao Ze Tung dan membelakangkan sama sekali ajaran-ajaran al-Qur'an yang disampaikan oleh Junjungan *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Mereka menjadilah “musuh di dalam selimut” yang paling merbahaya.

Mereka berbadan Melayu, beragama Islam, tetapi berhati dan berjiwa Komunis dan menjadi alat fahaman Komunis dan musuh kepada yang diajarkan oleh al-Qur'an yang disampaikan dan diajarkan oleh Junjungan Muhammad penyudah sekalian nabi-nabi.

Ini bahaya yang kita hadapi dalam masa yang tidak lama lagi – mungkin satu generasi kemudian daripada kita – kalau kita tidak bekerja dan melakukan suatu cara jangka panjang ini melagangnya dari sekarang. Hal ini mustahak mendapat perhatian orang yang mencintai agamanya sebagai Tengku Perdana Menteri kita.

Tengku Perdana Menteri kita telah berusia lanjut – lanjut menurut istilah keadaan orang-orang kita hari ini – beliau telah berjasa terhadap bangsa. Beliau telah berjasa memimpin dan menyatukan umat. Beliau telah banyak juga berjasa di dalam lapangan agama. Ini tidak seorang pun yang dapat menafikannya.

Di dalam masa pemerintahan beliau, banyak masjid yang cantik-cantik dibangunkan, banyak surau-surau berdiri dan berganti, banyak madrasah-madrasah yang dibina dan dibantu dan banyak perkara-perkara agama yang dianjurkan. Semuanya bermanfaat

kepada agama dan bangsa penghuni negeri ini, terutamanya yang beragama Islam dan menyemarakkan nama umat Islam di negeri ini ke merata-rata dunia Islam.

Semuanya nampak zahir dan banyak memberi kesan, tetapi alangkah indahnya alangkah mulianya, jika umat yang dikhuatirkan terpesong dari ajaran-ajaran agama suci yang mereka anuti itu dapat dikawal dan dijaga daripada terpesong. Umat Islam itu hendaklah diisi dengan berbagai-bagai cara, mengisinya daripada berbagai sudut dan penjuru. Ini tidak akan terlaksana jika sekiranya Tengku Perdana Menteri tidak membuat jasa mengulukan dan memulakan serta menganjurkan usaha itu.

Bangkit dan masyhurnya Dawlah 'Abbasiyyah ke merata dunia terutamanya dunia Islam, adalah dengan mengisi umatnya dengan kitab, terutamanya kitab-kitab agamanya yang boleh dipakai dan sesuai untuk masanya. Tidak cukup karangan mereka sahaja, tetapi mereka menterjemah dari bahasa-bahasa asing untuk kajian umat, sehingga umat maju dan berilmu. Ilmu dan akhlak mendapat peringkat yang tinggi dan mulia sekali.

Kita suka menarik perhatian Tengku Perdana Menteri kepada masyarakat kita hari ini. Kita suka bertanya: Manakah bacaan umat terhadap agamanya yang boleh dibanggakan dan boleh dijadikan kemegahan di dalam kutubkhanah kita? Kalau ada pun, tentu sedikit. Kitab-kitab fikihnya, bahasanya tidak menghidupkan nafsu pemuda-pemudi membacanya – tidak ada daya bahasa yang menarik mereka. Memang tidak dinafikan

² Perkataan sebenarnya adalah pemeluk.

Rencana Pengarang

jasa kitab-kitab lama ini kepada masyarakat, tetapi buat angkatan muda, perlu kepada pembaharuan bahasanya.

Di dalam soal ini, kita jauh kekurangan dan tertinggal. Usaha ini tidak sekali-kali mendapat perhatian dan bantuan pada hal ini sangat perlu dan mustahak dihidup dan digalakkan supaya kitab-kitab agama kita, samaada karangan atau terjemahan, tersebar dan tersiar dengan banyak dan luasnya.

Masjid-masjid dan surau-surau yang ada dibina itu, dihidupkan, yaitu dengan mengadakan kutubkhanah – kutubkhanah agama di dalam masjid-masjid dan surau-surau itu dengan seluas-luasnya, dipenuhi dengan kitab-kitab agama yang bernas dan baharu, yang menjadi bacaan umum para jemaah masjid itu. Dengan bacaan-bacaan yang ada, dapatlah pula tiap-tiap seminggu sekali diadakan diskusi tentang Islam di masjid-masjid itu yang digalakkan dan dianjurkan serta disusun dengan sebaik-baiknya.

Jika pembacaan agama telah meluas dan mendalam serta terhebat dengan cara yang mudah dan teratur, tentunya langkah-langkah menuju kepada cita-cita menjadikan umat Melayu tetap sebagai umat Islam yang kuat imannya, akan terus kekal dan berkepanjangan. Jika Tengku Perdana Menteri berusaha dan menjalankan usaha ini dengan sebaik-baiknya, maka bukan sahaja nama dan usaha beliau akan dijulung oleh umat Islam seluruhnya dan kekal mendapat sebutan di mulut umat Islam, tetapi

yang lebih besar beliau akan mendapat keredaan Allah, akan bersih wajah beliau menghadap Tuhan kelak.

Tiap-tiap seorang yang hidup bakal mati dan akan mengadap Tuhannya. Tiap-tiap amal dan usahanya, akan ditanya satu persatu. Masa itu tidak ada seorang pun sahabat yang boleh menolong – tidak ada teman, tidak ada kawan tidak ada pangkat atau kebesaran melainkan apa-apa amalan yang kita usahakan yang berharap akan mendapat keredaan Tuhan. Bagi orang-orang yang beruntung dan insaf, ia menyampaikan segala bekal untuknya di belakang hari terutamanya bagi seorang pemimpin yang bertanggungjawab atas memimpin umatnya. Banyak persoalannya akan ditanya.

Kerana berdasarkan kasih sayang dan cinta agama dan ketulusan memeluk agama, maka kita menyambut seruan Tengku Perdana Menteri supaya kita jangan tersesat hendaklah berpegang kepada Islam – marilah kita memandu umat, supaya mereka jangan sesat barat, jangan umat kita terpengaruh oleh anasir-anasir Komunis dan marilah kita menanamkan iman dan tauhid kepada anak-anak kita supaya mereka kekal beriman kepada agamanya. Kita sentiasa berdiri untuk menegakkan agama Allah – itulah konsep hidup kita – kita perjuangkan sedapat-dapatnya ketinggian agama itu dengan tidak kita mengharap sesuatu selain daripada keredaan Allah. Inilah satu jihad umat yang dikehendaki. Inilah satu tujuan umat yang berkehendakkan pemimpin dari seorang ketua yang menganjurkan supaya umat mengerti akan kalimah tauhid. Sebab itu, memandang

kepada usia Tengku yang telah lanjut, belumlah luput bagi beliau ke tengah untuk menggerakkan bahtera Islam yang ternoda hari ini, supaya berjalan mara dan maju. Berjalah kepada umat Islam dan carilah keredaan Tuhan!

Kata-kata Hikmah

Apabila mati seseorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya, melainkan dari tiga: amal jariah, ilmu yang memberi manfaat dengannya dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya [Hadith]

* * *

Kamu semua adalah ibarat pengembara, kamu bertanggungjawab atas tiap-tiap yang kamu gembalakan. [Hadith]

* * *

Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah aku tunjukkan kepada kamu suatu perdagangan (perniagaan) yang akan melepaskan kamu dari seksa yang pedih? Yaitu hendaklah kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya dan berperang pada jalan Allah (*fi sabīli Llāh*) dengan harta dan diri kamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui. (Jika kamu perbuat yang demikian) nescaya Allah mengampuni dosa-dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, begitu pula dimasukkan-Nya kamu ke dalam rumah-rumah yang baik di dalam syurga ‘Adnin. Itulah kemenangan yang besar. [*Sūrah al-Saf* ayat 10-12].

* * *

Orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian mereka tidak meminta izin kepada mereka berjihad dengan harta mereka dan jiwa mereka. Allah mengetahui akan orang-orang yang takut [*al-Tawbah* – 44].